

Taman lengkap penyelidikan, konservasi

Kuala Lumpur: Taman Botani Perdana di sini, kini lengkap dengan elemen penyelidikan, pendidikan dan konservasi dengan perasmian Kompleks Pelawat dan Taman Etnobotani disempurnakan Tun Dr Mahathir Mohamad semalam.

Lebih istimewa, Perdana Menteri turut menyempurnakan penanaman pokok Kembang Semangkuk sebagai simbolik perasmian kedua-dua fasiliti dan tarikan baharu taman berkenaan.

Dr Mahathir kemudian diiringi Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Shahrudin Md Salleh dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, dibawa meninjau sebelum diberi taklimat mengenai transformasi taman dibuka pada 1888 itu. BERNAMA



Dr Mahathir merasmikan Kompleks Pelawat dan Taman Etnobotani di Tasik Perdana, semalam.

(Foto Aswadi Alias /BH)